

19/04/1997

Isu akaun Wanita tiada unsur rasuah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Badan Pencegah Rasuah (BPR) tidak bercadang melakukan penyiasatan terhadap akaun Pergerakan Wanita Umno kerana ia tidak ada unsur rasuah, kata Ketua Pengarahnya, Datuk Shafee Yahaya.

"Setakat yang kita lihat, belum ada unsur rasuah. Jadi, ia tak ada kena mengena dengan BPR.

"Jika ada kes membabitkan pecah amanah, itu sepatutnya di bawah polis," katanya ketika dihubungi hari ini.

Sabtu lalu, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Umno akan menyiasat akaun kewangan parti itu di bawah kepimpinan lalu.

Menurutnya, siasatan itu akan dibuat oleh Bendahari Umno, Tun Daim Zainuddin dan hasilnya akan dikemukakan kepada Majlis Tertinggi (MT) parti.

Pergerakan Wanita Umno akhir tahun lalu menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk menyiasat kegiatan Yayasan Dermajaya Wanita yang ditubuhkan pergerakan itu pada 1973.

(END)